

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JULY 2017

Otai Reformis tolak Tun M

Um- 25/7/2017 Pg. 8

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 24 JULAI**

OTAI Reformis 1998 secara konsensus menolak keahadiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam Pakatan Harapan dan berhasrat untuk memboikot kempen parti yang disertai oleh Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) kelak.

Setiausahanya, Abdul Razak Ismail berkata, penolakan itu dibuat kerana merasakan bekas Perdana Menteri itu bukan calon yang layak untuk dijadikan sebagai pemimpin contoh kepada Pakatan Harapan.

"Beliau bukan orang yang sesuai, kami tidak boleh menerimanya kerana rekod silam ketika menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun tidak baik sehingga yang menyaksikan banyak perkara-perkara buruk berlaku seperti

pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Jangan hanya kerana beliau tidak sependapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan cuba untuk beralih kepada kami telah membuatkan beliau kelihatan suci.

Perkara itu tidak akan berlaku, kami tidak mahu menjadikan seorang 'diktator tua' sebagai ikon dalam memimpin Pakatan Harapan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Abdul Razak berkata, keputusan untuk menjadikan Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Pakatan Harapan dibuat berdasarkan prinsip 'atas ke bawah' iaitu pemimpin atasan membuat keputusan tanpa mendapatkan pandangan serta persetujuan daripada ahli akar umbi.

katanya, perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana beliau berpendapat Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalan Presiden PPBM, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir lebih layak



DR. MAHATHIR



Perkara itu tidak akan berlaku, kami tidak mahu menjadikan seorang 'diktator tua' sebagai ikon dalam memimpin Pakatan Harapan."

ABDUL RAZAK ISMAIL
Setiausaha Otai Reformis 1998

untuk memegang jawatan tertinggi dalam Pakatan Harapan.

Berikutan itu, beliau secara berseorangan mengambil keputusan untuk menentang Pakatan Harapan dalam pilihan raya umum akan datang dan akan bertanding atas tiket Parti Sosialis Malaysia (PSM).

"Keputusan untuk menentang Pakatan Harapan hanya melibatkan saya seorang sahaja bukan ahli Otai Reformis 1998 lain, saya buat ini semua sebagai protes terhadap kehadiran Dr. Mahathir," katanya.

"Saya rasa Muhyiddin dan Mukhriz lebih layak memimpin pembangkang kerana rekod mereka sebelum ini lebih baik daripada Dr. Mahathir," katanya.